



LAPORAN TAHUNAN

1983-84

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

LT (2)

1983-84

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 1983-84

KANDUNGAN

| | |
|---|-----|
| Laporan Naib Canselor | 1 |
| Fakulti Pertanian | 20 |
| Fakulti Perhutanan | 36 |
| Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan | 41 |
| Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani | 56 |
| Fakulti Kejuruteraan Pertanian | 61 |
| Fakulti Pengajian Pendidikan | 69 |
| Fakulti Sains Dan Pengajian Alam Sekitar | 84 |
| Fakulti Perikanan Dan Sains Samudra | 100 |
| Fakulti Sains Dan Teknologi Makanan | 107 |
| Pusat Pengembangan Dan Pendidikan Lanjutan | 112 |
| Kampus Cawangan Sarawak | 129 |
| Ladang | 133 |
| Perpustakaan | 152 |

LAPORAN NAIB CANSOLOR

NAIB CANSOLOR

Profesor Dr. Nayan bin Ariffin, J.S.M.,
Dip.Agric.(Malaya), B.S., M.S., (Louisiana
State), Ph.D.(Wis.)

PENDAHULUAN

Dekad Pertama Pengajaran telah berlalu dan kini Universiti Pertanian Malaysia memasuki Dekad Kedua. UPM terus berkembang dari segi pembangunan fizikal dan akademiknya. Pertambahan pelajar pada setiap tahun mendorong Universiti berusaha lebih giat memenuhi keperluan para pelajar. Bagi memenuhi keperluan tempat tinggal Universiti telah membina sebuah lagi Kolej Kediaman, Kolej Kediaman Kelapan. Sementara itu Universiti juga telah membeli blok rumah pangsa PKNS di Bangi untuk menempatkan pelajar-pelajar yang tidak dapat ditampung oleh Kolej-Kolej Kediaman di Serdang.

Dari segi akademik, penyelidikan vaksin penyakit ayam yang diusahakan oleh sekumpulan penyelidik dari Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peteranakan telah berjaya memenangi anugerah IFS. Satu kejayaan yang membanggakan Universiti memandangkan penemuan vaksin tersebut telah diterima di peringkat antarabangsa.

MAJLIS

Mesyuarat. Sepanjang tahun akademik 1983-84, Majlis telah bersidang sebanyak enam kali untuk mesyuarat biasa (Mesyuarat ke 49 hingga ke 54) yang kesemuanya diadakan di Kampus Serdang.

Hal-hal Perlembagaan. Majlis telah meluluskan cadangan pindaan kepada seksyen 15(1) dalam Perlembagaan Universiti berkaitan dengan keanggotaan Peguamcara Negara atau wakilnya dalam Majlis Universiti. Dengan pindaan itu, Peguamcara Negara tidak lagi menjadi ahli Majlis (digantikan oleh Peguam

Negara) melainkan apabila Peguam Negara adalah seorang anggota Parlimen atau dilantik selainnya daripada anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Perubahan Keahlian. Dua orang ahli, iaitu Profesor Dr. Mohd. Zain bin Haji Abdul Karim dan Tuan Haji Abdul Kadir bin Sulaiman, telah berhenti daripada menjadi ahli kerana pertukaran tempat bertugas; sementara seorang lagi iaitu Tuan Haji Abdul Rahman bin Pilus, selaku wakil Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, terhenti menjadi ahli berikutan dengan persaraannya daripada perkhidmatan kerajaan. Majlis mengalu-alukan tiga orang ahli baru yang menggantikan tempat mereka masing-masing iaitu: Profesor Madya Dr. Mohd. Khalid bin Mohd. Nor, Puan Ranita bt. Mohd. Hussein, dan Y.B. Dato' Wan Mansor bin Abdullah.

Tahniah. Majlis mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahlinya yang berikut: kepada Pengerusi Majlis Y.B. Tan Sri Haji Hashim bin Aman atas pengurniaan Darjah Cemerlang Sri Melaka (DCSM) bersempena dengan ulang-tahun ke 65 hari kelahiran T.Y.T. Yang Dipertua Negeri Melaka; dan kepada Y.B. Datuk Safri Awang bin Haji Zaidell atas pengurniaan darjah Panglima Negara Bintang Sarawak (PNBS) bersempena Perayaan 20 Tahun Sarawak Merdeka Dalam Malaysia. Majlis juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Profesor Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim dan Profesor Dr. Kamarudin bin Haji Kachar atas perlantikan mereka masing-masing sebagai Timbalan Naib Canselor (Kewangan dan Pembangunan) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar).

Penghargaan. Majlis merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profesor Dr. Mohd. Zain bin Haji Abdul Karim, Tuan Haji Abdul Kadir bin Sulaiman dan Tuan Haji Abdul Rahman bin Pilus atas segala sumbangan dan perkhidmatan yang telah

diberikan oleh mereka sebagai ahli Majlis. Majlis juga merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada bekas Timbalan Naib Canselor Y.B. Dato' Mohd. Noor bin Haji Ismail kerana sumbangan dan perkhidmatan yang telah diberikan olehnya sebelum beliau bersara daripada perkhidmatan Universiti.

SENAT

Sepanjang sesi 1983-84 Senat Universiti telah bersidang untuk 12 mesyuarat biasa dan 4 mesyuarat khas. Di antara perkara-perkara penting yang diputuskan ialah:

(a) Penubuhan Hadiah 'SEARCA Professorial Merit Award'.

(b) Penawaran Kursus-Kursus Tamadun Islam.

(c) Penukaran nama 'Jabatan Perhubungan' kepada 'Jabatan Komunikasi Pembangunan' di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan.

(d) Perubahan nama 'Bacelor Pendidikan (Teknologi Rumahtangga)' kepada 'Bacelor Pendidikan (Sains Rumahtangga)'

(e) Cadangan Penubuhan Institut Perundingan UPM.

PEMERIKSA /PENILAI LUAR

Universiti telah melantik seramai 19 orang Pemeriksa/Penilai Luar bagi program-program bacelor seperti berikut:

| Bil. Pemeriksa /Penilai Luar | Dari | Program |
|------------------------------------|--|---|
| 1. Dr. Khin Maung Kyi | National University of Singapore | B.S.(Perniagaantani) |
| 2. Prof. Ace Partadiredja | Universitas Gadjah Mada, Indonesia | B.S.(Ekonomi Sumber) |
| 3. Prof. Michael Albert Edward Rex | University of Queensland | Doktor Perubatan Veterinar |
| 4. Prof. Ronald Alfred Leng | University of New England, Australia | Doktor Perubatan Veterinar |
| 5. Dr. Ahmad Mustaffa Babjee | Kementerian Pertanian Malaysia | Doktor Perubatan Veterinar |
| 6. Dr. E. T. Jones | Royal Veterinary College, University of London | Doktor Perubatan Veterinar |
| 7. Ir. Abdul Rahman bin Yaakub | Perunding Bakti, Petaling Jaya | Bac. Kejuruteraan (Pertanian) |
| 8. Prof. William J. Chancellor | University of California | Bac. Kejuruteraan (Pertanian) |
| 9. Prof. Merle L. Esmay | Michigan State University | Bac. Kejuruteraan (Pertanian) |
| 10. Dr. Nat Indrapan | Srinakarinwirot University of Bangkok | Bac. Pendidikan (Pend. Jasmani) |
| 11. Dr. Kao Rosann Santora | Education Consultants, Hong Kong | Bac. Pendidikan (Teknologi Rumahtangga) |
| 12. Dr. Keornado A. Chua | University of Philippines | Bac. Pendidikan (Sains Pertanian) |

| Bil. Pemeriksa /Penilai Luar | Dari | Program |
|---|---|--|
| 13. Prof. Francois Mergen | Yale University | Bac. Sains (Perhutanan) |
| 14. Mr. David B. Thomson | Scotland | Bac. Sains (Perikanan) |
| 15. Prof. Sumi Mo | Seoul National University Korea | Bac. Sains (Pembangunan Manusia) |
| 16. Prof. F. G. Dennis Jr. | Michigan State University | Bac. Sains (Pertanian) |
| 17. Prof. Madya Dr. John Harold Loxton | The University of New South Wales | Bac. Sains (Kep)/Sains dengan Pendidikan (Kep.) |
| 18. Dr. Bindu Nath Lohani | Asian Institute of Technology, Bangkok | Bac. Sains (Alam Sekitar) |
| 19. Prof. Keith H. Steinkraus | Cornell University | Bac. Sains dan Teknologi Makanan |

KEMASUKAN DAN REKOD

(a) Program Pengajian

Pada sesi 1983-84 Universiti Pertanian Malaysia telah menawarkan program-program pengajian di peringkat Master dan Doktor Falsafah, satu program di peringkat Diploma Profesional, 19 program di peringkat Bachelor, 9 program di peringkat Diploma dan satu program Pendahuluan. Senarai penuh program-program yang ditawarkan ialah seperti berikut:-

| Pengajian Siswazah | Kampus |
|---|-------------------------|
| Master Sains | Serdang |
| Master Sains Pertanian | Serdang |
| Master Kejuruteraan (Pertanian) | Serdang |
| Master Sains Veterinar | Serdang |
| Master Sains dan Teknologi Makanan | Serdang |
| Doktor Falsafah | Serdang |
| Doktor Kejuruteraan (Pertanian) | Serdang |
| Doktor Sains Veterinar | Serdang |
| Jangkamasa untuk pengajian siswazah adalah seperti berikut: | |
| Program Master penuh masa | 2 — 6 semester |
| Program Master separuh masa | 4 — 10 semester |
| Program Ph. D penuh masa | 4 — 10 semester |
| Program Ph. D separuh masa | 6 — 12 semester |
| Program Diploma Profesional | Jangka masa Kampus |
| Diploma Profesional Teknologi dan Pengurusan Perladangan | 1½ tahun Serdang |

Program Bachelo

| | | |
|---|-------------|---------|
| Doktor Perubatan Veterinar | 10 semester | Serdang |
| Bachelor Sains Pertanian | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Sains (Perhutanan) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Sains (Perniagaantani) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Sains (Ekonomi Sumber) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Sains (Kepujian) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Sains dengan Pendidikan (Kepujian) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Sains (Alam Sekitar) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Kejuruteraan (Pertanian) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Sains dan Teknologi Makanan | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Sains (Pembangunan Manusia) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Sains (Perikanan) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Pendidikan (Tek. Rumah tangga) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) | 8 semester | Serdang |
| Bachelor Sains Komputer | 8 semester | Serdang |

Program Diploma

| | | |
|--|------------|-------------------|
| Diploma Pertanian | 6 semester | Serdang & Sarawak |
| Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan | 7 semester | Serdang |
| Diploma Sains dengan Pendidikan | 6 semester | Serdang |
| Diploma Perikanan | 6 semester | Serdang |
| Diploma Pembangunan Manusia | 6 semester | Serdang |
| Diploma Kejuruteraan Pertanian | 6 semester | Serdang |
| Diploma Perhutanan | 6 semester | Sarawak |
| Diploma Sains Komputer | 6 semester | Serdang |
| Diploma Perniagaantani | 6 semester | Serdang |
| Program Pendahuluan (Untuk calon-calon dari Sabah dan Sarawak sahaja) | 2 semester | Sarawak |

JADUAL 1

TABURAN PENGAMBILAN PELAJAR MENGIKUT PROGRAM DAN JANTINA
BAGI TAHUN AKADEMIK 1983/84

| Program | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
|--|--------------|------------|--------------|
| Diploma Pertanian (Serdang) | 339 | 81 | 420 |
| (Sarawak) | 67 | 17 | 84 |
| Diploma Pembangunan Manusia | 23 | 30 | 53 |
| Diploma Kesihatan Haiwan & Peternakan | 37 | 12 | 49 |
| Diploma Perikanan | 53 | 4 | 57 |
| Diploma Perhutanan | 39 | 1 | 40 |
| Diploma Sains Dengan Pendidikan | 70 | 124 | 194 |
| Diploma Kejuruteraan Pertanian | 54 | 5 | 59 |
| Diploma Perniagaantani | 70 | 33 | 103 |
| Diploma Sains Komputer | 83 | 20 | 103 |
| Pendahuluan | 36 | 17 | 53 |
| Jumlah Kecil | 871 | 344 | 1,215 |
| Doktor Perubatan Veterinar | 18 | 8 | 26 |
| Bachelor Sains Pertanian | 96 | 22 | 118 |
| Bachelor Sains (Pembangunan Manusia) | 12 | 18 | 30 |
| Bachelor Sains (Perhutanan) | 21 | 2 | 23 |
| Bachelor Sains (Perniagaantani) | 132 | 38 | 170 |
| Bachelor Sains (Ekonomi Sumber | 72 | 17 | 89 |
| Bachelor Sains (Kepujian) | 48 | 17 | 65 |
| Bachelor Sains dengan Pendidikan (Kepujian) | 22 | 40 | 62 |
| Bachelor Sains (Alam Sekitar) | 22 | 4 | 26 |
| Bachelor Kejuruteraan (Pertanian) | 50 | 4 | 54 |
| Bachelor Sains dan Teknologi Makanan | 14 | 7 | 21 |
| Bachelor Sains (Perikanan) | 33 | — | 33 |
| Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian) | 20 | 3 | 23 |
| Bachelor Pend. (Tek. Rumahtangga) | — | 21 | 21 |
| Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani) | 38 | 8 | 46 |
| Bachelor Pend. (Bimbingan dan Kaunseling) | 51 | 10 | 61 |
| Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama) | 109 | 4 | 113 |
| Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) | 49 | 50 | 99 |
| Bachelor Sains Komputer | 40 | 10 | 50 |
| Jumlah Kecil | 847 | 283 | 1,130 |
| Master | 27 | 10 | 37 |
| Ph. D | 5 | 5 | 10 |
| Jumlah Kecil | 32 | 15 | 47 |
| Diploma Profesional Teknologi dan Pengurusan Perladangan | 1 | — | 1 |
| Jumlah Besar | 1,751 | 642 | 2,393 |

JADUAL II
TABURAN PELAJAR MENGIKUT PROGRAM DAN SEMESTER
TAHUN AKADEMIK 1983 - 1984 (KAMPUS SERDANG)

| FAKULTI | PROGRAM | SEMESTER I | | | | | | SEMESTER II | | | | | |
|---|--|------------|------------|------------|-----------|-----------|------------|-------------|------------|------------|-----------|-----------|------------|
| | | TAHUN | | I | II | III | IV | V | J | I | II | III | IV |
| Ekonomi Sumber dan Perniagaantani | Bachelor Sains (Perniagaantani) | 170 | 138 | 110 | 53 | — | 471 | 174 | 140 | 111 | 52 | — | 477 |
| | Bachelor Sains (Ekonomi Sumber) | 89 | 59 | 55 | 26 | — | 229 | 90 | 56 | 55 | 27 | — | 228 |
| | Diploma Perniagaantani | 102 | 46 | — | — | — | 148 | 103 | 44 | — | — | — | 147 |
| | Jumlah | 361 | 243 | 165 | 79 | — | 848 | 367 | 240 | 166 | 79 | — | 852 |
| Kedokteran Veterinar Dan S. Peternakan | Doktor Perubatan Veterinar | 26 | 29 | 16 | 24 | 18 | 113 | 28 | 27 | 17 | 24 | 18 | 114 |
| | Diploma Kesihatan Haiwan Dan Peternakan | 48 | 39 | 25 | 15 | — | 127 | 50 | 40 | 25 | 8 | — | 115 |
| | Jumlah | 74 | 68 | 41 | 39 | 18 | 240 | 78 | 67 | 42 | 24 | 18 | 229 |
| Kejuruteraan Pertanian | Bachelor Kejuruteraan (Pertanian) | 54 | 38 | 34 | 25 | — | 151 | 53 | 41 | 33 | 25 | — | 152 |
| | Diploma Kejuruteraan Pertanian | 58 | 35 | 23 | — | — | 116 | 55 | 36 | 23 | — | — | 114 |
| | Jumlah | 112 | 73 | 57 | 25 | — | 267 | 108 | 77 | 56 | 25 | — | 266 |
| Perhutanan | Bachelor Sains (Perhutanan) | 23 | 20 | 14 | 20 | — | 77 | 23 | 19 | 14 | 20 | — | 76 |
| | Jumlah | 23 | 20 | 14 | 20 | — | 77 | 23 | 19 | 14 | 20 | — | 76 |
| Sains Dan Teknologi Makanan | Bachelor Sains & Teknologi Makanan | 21 | 34 | 21 | 30 | — | 106 | 21 | 34 | 21 | 30 | — | 106 |
| | Jumlah | 21 | 34 | 21 | 30 | — | 106 | 21 | 34 | 21 | 30 | — | 106 |

| FAKULTI | PROGRAM | TAHUN | SEMESTER I | | | | | | SEMESTER II | | | | | |
|-------------------------------------|--|-------|------------|-----|-----|----|---|-------|-------------|-----|-----|----|---|-------|
| | | | I | II | III | IV | V | J | I | II | III | IV | V | J |
| Pengajian Pendidikan | Bachelor Pend. (Sains Pertanian) | | 23 | 21 | 24 | 17 | — | 85 | 23 | 21 | 24 | 17 | — | 85 |
| | Bachelor Pend. (Tek. Rumah tangga) | | 21 | 20 | 21 | 16 | — | 78 | 20 | 20 | 20 | 16 | — | 76 |
| | Bachelor Pend. (Pend. Jasmani) | | 46 | 42 | 28 | — | — | 116 | 48 | 40 | 28 | — | — | 116 |
| | Bachelor Pend. (Peng. B. Malaysia Sebagai Bahasa Pertama) | | 113 | 77 | 37 | — | — | 227 | 114 | 77 | 37 | — | — | 228 |
| | Bac. Pend. (Bimbingan & Kaunseling) | | 61 | 65 | 42 | — | — | 168 | 62 | 65 | 42 | — | — | 169 |
| | Bac. Pend. (Peng. B. Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) | | 99 | 54 | — | — | 8 | 153 | 98 | 54 | — | — | — | 152 |
| | Jumlah | | 363 | 279 | 152 | 33 | — | 827 | 365 | 277 | 151 | 33 | — | 826 |
| Pertanian | Bachelor Sains Pertanian | | 118 | 125 | 97 | 71 | — | 411 | 118 | 131 | 103 | 71 | — | 423 |
| | Bachelor Sains (Pembangunan Manusia) | | 30 | 26 | 18 | 6 | — | 80 | 28 | 26 | 18 | 6 | — | 78 |
| | Diploma Pertanian | | 410 | 306 | 170 | — | — | 886 | 417 | 308 | 175 | — | — | 900 |
| | Diploma Pembangunan Manusia | | 51 | 30 | 28 | — | — | 109 | 52 | 31 | 28 | — | — | 111 |
| | Jumlah | | 609 | 487 | 313 | 77 | — | 1,486 | 615 | 496 | 324 | 77 | — | 1,512 |
| Sains dan Pengajian Alam Sekitar | Bachelor Sains (Kepujian) | | 20 | 51 | 29 | 2 | — | 102 | 4 | 67 | 18 | 2 | — | 91 |
| | Bac. Sains Dengan Pendidikan (Kepujian) | | 72 | 85 | 91 | 73 | — | 321 | 62 | 93 | 87 | 72 | — | 314 |
| | Bachelor Sains (Alam Sekitar) | | 26 | 33 | 14 | 19 | — | 92 | 15 | 33 | 14 | 19 | — | 81 |
| | Bachelor Sains Komputer | | 50 | 20 | — | — | — | 70 | 49 | 18 | — | — | — | 67 |
| | Dip. Sains Dengan Pendidikan | | 198 | 254 | 240 | — | — | 692 | 174 | 254 | 235 | — | — | 663 |
| | Diploma Sains Komputer | | 101 | 29 | — | — | — | 130 | 103 | 28 | — | — | — | 131 |
| | Jumlah | | 467 | 472 | 374 | 94 | — | 1,407 | 407 | 493 | 354 | 93 | — | 1,347 |

| FAKULTI | PROGRAM | TAHUN | SEMESTER I | | | | | | SEMESTER II | | | | | |
|------------------------------|---|-------|------------|-------|-------|-----|----|-------|-------------|-------|-------|-----|----|-------|
| | | | I | II | III | IV | V | J | I | II | III | IV | V | J |
| Perikanan Dan Sains Samudera | Bachelor Sains (Perikanan) Diploma Perikanan | | 33 | 34 | 18 | 15 | — | 100 | 31 | 33 | 18 | 15 | — | 97 |
| | | | 58 | 34 | 21 | — | — | 113 | 59 | 35 | 21 | — | — | 115 |
| | Jumlah | | 91 | 68 | 39 | 15 | — | 213 | 90 | 68 | 39 | 15 | — | 212 |
| | JUMLAH BESAR | | 2,121 | 1,744 | 1.176 | 412 | 18 | 5,471 | 2,074 | 1,771 | 1,167 | 396 | 18 | 5,426 |

JADUAL III

TABURAN PELAJAR-PELAJAR MENGIKUT PROGRAM DAN SEMESTER
BAGI TAHUN AKADEMIK 1983-84 (CAWANGAN SARAWAK)

| PROGRAM \ TAHUN | SEMESTER I | | | | SEMESTER II | | | |
|--------------------|------------|-----|-----|-----|-------------|-----|-----|-----|
| | I | II | III | J | I | II | III | J |
| Diploma Pertanian | 87 | 68 | 118 | 273 | 88 | 68 | 118 | 274 |
| Diploma Perhutanan | 44 | 33 | 34 | 111 | 45 | 33 | 34 | 112 |
| Pendahuluan | 52 | — | — | 52 | 52 | — | — | 52 |
| JUMLAH | 183 | 101 | 152 | 436 | 185 | 101 | 152 | 438 |

JADUAL IV

TABURAN PELAJAR-PELAJAR PENGAJIAN SISWAZAH MENGIKUT
FAKULTI DAN SEMESTER BAGI TAHUN AKADEMIK 1983-84

| FAKULTI/PUSAT | SEMESTER I | | | | SEMESTER II | | | |
|---|------------|--------------|-------|-----|-------------|--------------|-------|-----|
| | Dip. | Prof. Master | Ph. D | J | Dip. | Prof. Master | Ph. D | J |
| Ekonomi Sumber dan Perniagaantani | — | 20 | 2 | 22 | — | 17 | 3 | 20 |
| Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan | — | 12 | 19 | 31 | — | 11 | 18 | 29 |
| Kejuruteraan Pertanian | — | 1 | — | 1 | — | 1 | 1 | 2 |
| Pengajian Pendidikan Pertanian | — | 23 | 3 | 26 | — | 19 | 3 | 22 |
| Sains dan Pengajian Alam Sekitar | 3 | 13 | 15 | 31 | 3 | 12 | 16 | 31 |
| Perikanan dan Sains Samudera | — | — | 1 | 1 | — | 2 | 1 | 3 |
| Sains & Teknologi Makanan | — | 4 | 2 | 6 | — | 4 | 1 | 5 |
| Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan | — | 1 | 3 | 4 | — | 2 | 3 | 5 |
| JUMLAH | — | 12 | 1 | 13 | — | 10 | 1 | 11 |
| JUMLAH | 3 | 86 | 46 | 135 | 3 | 78 | 47 | 128 |

JADUAL V

* TABURAN SISWAZAH MENGIKUT PROGRAM DAN JANTINA
BAGI TAHUN 1984 (JANGKAAN)

| Program | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
|---|--------|-----------|--------|
| Diploma Pertanian | 154 | 139 | 293 |
| Diploma Pembangunan Manusia | 1 | 27 | 28 |
| Diploma Sains dengan Pendidikan | 126 | 110 | 236 |
| Diploma Perikanan | 20 | 2 | 22 |
| Diploma Kesihatan Haiwan Dan Peternakan | 11 | 4 | 15 |
| Diploma Kejuruteraan Pertanian | 19 | 4 | 23 |
| Diploma Perhutanan | 34 | — | 34 |
| Jumlah | 365 | 286 | 651 |
| Bachelor Sains (Perniagaantani) | 75 | 28 | 103 |
| Bachelor Sains (Ekonomi Sumber) | 29 | 17 | 46 |
| Bachelor Sains Pertanian | 94 | 6 | 100 |
| Bachelor Sains (Pembangunan Manusia) | — | 7 | 7 |
| Bachelor Sains & Teknologi Makanan | 22 | 10 | 32 |
| Bachelor Sains (Perhutanan) | 20 | — | 20 |
| Doktor Perubatan Veterinar | 14 | 5 | 19 |
| Bachelor Kejuruteraan (Pertanian) | 20 | 4 | 24 |
| Bachelor Sains (Alam Sekitar) | 12 | 8 | 20 |
| Bachelor Sains (Kepujian) | 15 | 8 | 23 |
| Bachelor Sains Dengan Pendidikan (Kep.) | 25 | 47 | 72 |
| Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian) | 16 | 10 | 26 |
| Bachelor Pendidikan (Teknologi R/tangga) | — | 19 | 19 |
| Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani) | 8 | 1 | 9 |
| Bachelor Sains (Perikanan) | 19 | — | 19 |
| Jumlah | 369 | 170 | 539 |
| Master Sains Pertanian | 1 | — | 1 |
| Master Sains | 5 | 2 | 7 |
| Ph. D | 3 | 1 | 4 |
| Diploma Profesional Teknologi dan Pengurusan Perladangan | 2 | — | 2 |
| Jumlah | 11 | 3 | 14 |
| Jumlah Besar | 745 | 459 | 1,204 |

* Bilangan sebenar akan dihantarkan kemudian.

(b) Pengambilan Pelajar

Bilangan pelajar baru yang diterima masuk bagi program-program tersebut di atas adalah seperti berikut:

| | |
|---------------------|-------------|
| Pengajian Siswazah | 47 orang |
| Diploma Profesional | 1 orang |
| Program Bacelor | 1,130 orang |
| Program Diploma | 1,162 orang |
| Program Pendahuluan | 53 orang |

Jadual I menunjukkan taburan pengambilan pelajar baru bagi sesi 1983-84 mengikut program dan jantina.

(c) Pendaftaran Pelajar

Seramai 6,042 orang pelajar telah mendaftarkan diri pada Semester I dan 5,992 orang pada Semester II untuk mengikuti berbagai program yang terdapat di kampus Serdang dan Sarawak, (termasuk program pengajian siswazah dan program diploma Profesional Jadual II, III dan IV

menunjukkan taburan pendaftaran pelajar untuk semua program bagi kedua-dua semester sesi 1983-84 ini).

(d) Siswazah

Pada akhir sesi 1983-84 seramai 1,204 orang pelajar telah tamat pengajian mereka dengan jayanya dan akan dikurniakan Ijazah atau Diploma masing-masing. Pecahan bilangan siswazah ini adalah:

| | |
|--------------------------|-----------|
| Doktor Falsafah | 4 orang |
| Master | 8 orang |
| Bacelor | 539 orang |
| Diploma | 651 orang |
| Diploma Profesional | |
| Teknologi dan Pengurusan | |
| Perladangan | 2 orang |

Jadual V menunjukkan taburan siswazah mengikut program dan jantina bagi sesi 1983-84.

PERJAWATAN

Tidak ada peruntukan jawatan baru yang diwujudkan dalam tahun 1984 ini berikutan arahan pembekuan pengisian jawatan oleh Kerajaan Malaysia. Jumlah jawatan tahun 1984 ialah sebanyak 4637 jawatan. Pecahan jawatan tersebut ialah 1213 daripadanya kumpulan A, 152 kumpulan B, 921 kumpulan C dan 2351 bagi kumpulan D.

Bagi tempoh antara bulan Jun 1983 hingga Mei 1984, Bahagian Perjawatan telah

menguruskan 79 perlantikan bagi jawatan kumpulan A, 17 bagi kumpulan B, 107 bagi kumpulan C dan 200 bagi kumpulan D. Perlantikan dalam kumpulan C dan D adalah termasuk jawatan tetap, sementara dan sambilan.

Dalam tempoh antara Jun 1983 hingga Mei 1984 seramai 135 orang telah meletakkan jawatan untuk berkhidmat dengan Badan-Badan Berkanun/Kerajaan yang lain. Dari jumlah tersebut 21 orang adalah dari kumpulan A, 13 kumpulan B, 49

kumpulan C dan 52 orang dari kumpulan D.

Dari 48 kes tatatertib yang dikemukakan

kepada Lembaga Tatatertib University Pertanian Malaysia, 37 orang daripadanya telah dithabitkan dengan beberapa kesalahan dan telah diberhentikan kerja.

KENAIKAN PANGKAT

Dalam tahun 1983/84, beberapa orang pegawai telah dinaikkan pangkat.

Senarai Bilangan Pegawai Yang Dinaikkan Pangkat

| | Dari Jawatan | Ke Jawatan | Jumlah Yang Dinaikkan Pangkat |
|----------------------------|-----------------------|--------------------------|-------------------------------|
| Pegawai Akademik | Profesor Madya | Profesor | 4 |
| | Pensyarah | Profesor Madya | 12 |
| Lain Pegawai Kategori A | Penolong Pendaftar | Timbalan Pendaftar | 2 |
| | Penolong Pendaftar | Penolong Pendaftar Kanan | 1 |
| Pegawai-Pegawai Kumpulan C | Kerani | Kerani Kanan | 1 |
| | Pembantu Makmal Kanan | Ketua Pembantu Makmal | 2 |
| Pegawai-Pegawai Kumpulan D | Tukang Masak | Ketua Tukang Masak | 2 |
| | Pencuci | Ketua Pencuci | 1 |

LATIHAN

Bagi meninggikan kelayakan dan prestasi akademik bagi guru-guru dalam sesuatu bidang pengkhususan, ramai dari kalangan mereka telah dihantar mengikuti kursus lanjutan dan kursus-kursus pendek di luar negeri. Untuk maksud ini seramai 26 orang tenaga pengajar telah melanjutkan pelajaran di peringkat Master, 35 orang lagi di peringkat Doktor Falsafah dan 19 orang telah mengikuti kursus-kursus pendek dipelbagai bidang di luar negeri. Dalam tempoh sehingga Jun 1984 seramai 48 orang telah menamatkan cuti belajar mereka iaitu terdiri dari 31 orang bagi kursus Master dan 17 orang lagi kursus di peringkat Ph.D.

Bahagian Latihan Universiti ini juga sentiasa memandang berat akan kepentingan-kepentingan bagi pegawai-pegawai rendah di peringkat perkeranian dan teknik bagi mendedahkan mereka kepada

kerja yang tinggi dan meningkatkan lagi daya pengeluaran. Untuk tujuan ini Bahagian Latihan telah menganjurkan sebanyak 14 kursus dan latihan dalam perkhidmatan di Kampus Universiti Pertanian Malaysia yang sama 250 orang pegawai di peringkat ini diberi peluang mengikutinya. Selain daripada itu seramai 38 orang telah dihantar mengikuti kursus-kursus tertentu di INTAN, Pusat Daya Pengeluaran Malaysia dan pelbagai Institusi Latihan Dalam Negeri.

BAHAGIAN HAL-EHWAL PELAJAR

Kegiatan Pelajar

Kegiatan pelajar-pelajar di Universiti Pertanian Malaysia adalah disalurkan melalui persatuan masing-masing. Terdapat 25 buah persatuan pelajar yang telah didaftarkan termasuk Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia/Majlis Perwakilan Pelajar.

Persatuan Pelajar dibahagikan kepada 5 kategori, iaitu:

1. Persatuan Mahasiswa UPM
2. Persatuan Fakulti
3. Seni Mempertahankan Diri
4. Agama
5. Lain-lain.

Bidang Kegiatan

Kegiatan yang dijalankan oleh persatuan-persatuan adalah secara keseluruhannya tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Seksyen 48 Akta A 295, Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975.

Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia (PMUPM) merupakan persatuan induk, yang mana pemilihan ahli-ahli majlis perwakilannya dibuat melalui sistem pilihanraya. Kegiatan-kegiatan yang sering dijalankan adalah seperti ceramah, forum, dialog, perbincangan, kursus, khemah kerja, projek kampung angkat, pameran, pertunjukan budaya, lawatan, pertandingan sukan dan penerbitan.

Setiap jawatankuasa persatuan fakulti yang telah dilantik akan merancang aktiviti-aktiviti yang hendak dijalankan sepanjang satu tahun tempoh perantaraan mereka. Ianya meliputi aktiviti seperti ceramah, seminar, forum, dialog, bahas, lawatan, pertunjukan, pameran, sukan dan penerbitan.

Keseluruhan aktiviti yang dijalankan oleh persatuan-persatuan fakulti yang berkenaan adalah mendapat kerjasama yang sepenuhnya dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Persatuan Mahasiswa Islam (PMIUPM) merupakan persatuan yang kedua penting selepas PMUPM. Semua aktiviti yang dijalankan oleh persatuan ini adalah mendapat kerjasama dan nasihat dari Unit Bimbingan Agama Hal Ehwal Pelajar dan pegawai-pegawai Hal Ehwal Pelajar yang lain.

Persatuan-persatuan Agama lain juga bergerak di universiti ini. Kegiatan atau

aktiviti-aktiviti yang dijalankan sentiasa diawasi agar tidak terkeluar dari landasan yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Seni mempertahankan diri adalah sebahagian dari usaha mengekalkan tradisi seni budaya bangsa di kalangan para pelajar. Umumnya kegiatan-kegiatan yang dijalankan meliputi latihan-latihan seni mempertahankan diri yang diadakan setiap minggu oleh persatuan-persatuan yang berkenaan seperti silat gayung dan tae kwan-do yang dijalankan dua kali seminggu.

Biasiswa /Pinjaman

Bahagian ini telah memberi perkhidmatan mengurus sebarang hal berkaitan dengan biasiswa dan pinjaman pelajar iaitu mendapatkan biasiswa dan pinjaman daripada pihak penganjur-penganjur yang sedia ada dan juga mendapatkan penganjur-penganjur baru dalam usaha untuk menampung keperluan perbelanjaan para pelajar sepanjang masa mereka menuntut di universiti ini.

Pada tahun ini masalah biasiswa dan pinjaman ini dapat dikurangkan daripada tahun lalu terutamanya kepada pelajar lepasan guru di mana pihak MARA telah sanggup memberi pinjaman kepada mereka. Walau bagaimanapun masih juga terdapat sebilangan kecil pelajar yang tidak menerima peruntukan biasiswa dan pinjaman sama ada tidak ditawarkan atau tidak memohon kerana hendak menggunakan perbelanjaan sendiri.

Pusat Kesihatan Pelajar

Pusat Kesihatan Pelajar memberikan perkhidmatan kesihatan kepada semua pelajar sama ada yang tinggal di kampus atau luar kampus.

Pusat ini mempunyai 2 orang Pegawai Perubatan, seorang Pegawai Pergigian dan beberapa orang pegawai-pegawai lain. Pusat ini juga dibekalkan dengan 2 buah ambulan. Pembesaran pusat ini telah diluluskan pada hujung tahun 1983.

Perkhidmatan yang diberi ialah rawatan-rawatan perubatan dan pergigian. Kes-kes

rawatan yang tidak mampu dirawat di pusat ini dihantar ke Hospital Besar, Kuala Lumpur, Hospital Daerah Kajang dan Hospital Universiti.

Klinik Perancang Keluarga dikendalikan oleh kakitangan-kakitangan dari Lembaga Perancang Keluarga, Pusat Kesihatan Pelajar hanya memberi kerjasama dengan memberi sebuah bilik berhampiran Klinik Pergigian. Klinik Perancang Keluarga ini terbuka kepada semua pelajar, kakitangan dan orang awam. Klinik ini hanya dibuka seminggu sekali.

Selain dari fungsi-fungsi yang biasa dijalankan Pusat Kesihatan pelajar juga membuat "fogging" iaitu semburan menjauhkan nyamok aedes, menghantas specimen untuk kajian makmal kebersihan makanan dan dapur asrama-asrama. Dari semasa ke semasa Pusat Kesihatan Pelajar menganjurkan derma darah.

Sebagaimana biasa kakitangan-kakitangan pusat ini telah pergi berkursus di Hospital Besar Kuala Lumpur dan lain-lain tempat untuk mengikuti kemajuan-kemajuan dan ilmu-ilmu baru di bidang perubatan.

Unit Bimbingan Agama

Unit Bimbingan Agama mempunyai tujuan tersendiri ke atas pembentukan pelajar dan menyelesaikan masalah yang sentiasa timbul di kalangan pelajar seperti masalah pemikiran agama, masalah sosial, masalah peribadi dan seumpamanya dengan memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada pelajar-pelajar berkenaan.

Unit Bimbingan Agama juga mengatur beberapa program atau rancangan yang bersifat umum untuk meningkatkan lagi kesedaran dan kefahaman agama di kalangan pelajar seperti mengadakan kelas-kelas agama, ceramah-ceramah umum, seminar, kursus, bengkel, lawatan-lawatan, mengeluarkan risalah-risalah dan sebagainya. Semoga kegiatan ini akan memberikan kefahaman yang jelas tentang agama Islam secara menyeluruh.

Unit Bimbingan Agama juga dari masa ke semasa sentiasa mengawasi dan memberi bimbingan kepada semua kegiatan ke-

agamaan yang diadakan oleh persatuan-persatuan pelajar, terutamanya Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Pertanian Malaysia agar semua kegiatan ini memberi manfaat yang besar kepada perkembangan Islam sesuai dengan kehendak Islam itu sendiri.

Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Kerjaya

Kaunseling adalah satu perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang menghadapi berbagai masalah. Kaunselor pelajar bertugas bukan untuk menyelesaikan masalah pelajar tetapi juga cuba menolong pelajar-pelajar menyelesaikan masalah mereka sendiri dan bertanggungjawab ke atas apa saja keputusan yang dibuat.

Pertolongan yang diberikan ialah dari segi membekalkan pelajar-pelajar dengan maklumat yang perlu, menimbang dan melihat masalah bersama beberapa jalan atau alternatif ke arah penyelesaian masalah. Tugas Kaunselor ialah hendak melatih seseorang pelajar yang bermasalah dapat berdikari serta mempunyai personaliti yang menarik dan dinamis.

Selain dari membimbing pelajar dalam menghadapi masalah, unit ini juga mengaturkan program-program seperti latihan membina potensi kepimpinan, latihan hubungan manusia, dan latihan menegak hak diri. Adalah diharapkan bahawa latihan-latihan dinamik kelompok akan membina dan mengukuhkan lagi kemahiran-kemahiran sosial.

Unit ini juga menyediakan program-program tertentu untuk para pelajar di kampus. Ceramah-ceramah mengenai peluang-peluang pekerjaan dianjurkan di mana wakil-wakil dari agensi-agensi kerajaan dan swasta sering diundang untuk memberi penerangan dan latihan menghadapi temuduga pun dikelolakan khususnya untuk pelajar-pelajar tahun akhir.

Unit ini berusaha menyediakan Buku Panduan Kerjaya untuk rujukan pelajar-pelajar. Kajiselidik pekerjaan-pekerjaan atau jawatan-jawatan kosong di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta yang sesuai untuk siswazah universiti ini juga terus

dijalankan untuk faedah bakal-bakal graduan.

Unit ini bukan sahaja memberikan khidmat kepada pelajar-pelajar yang masih belajar tetapi juga sering menghubungi para siswazah selepas mereka keluar dari universiti. Ini adalah untuk memastikan bahawa semua siswazah telah mempunyai pekerjaan dan berasa puas hati dengan kerjaya masing-masing.

Unit Kebudayaan

Di samping menganjurkan beberapa kegiatan, Unit ini juga bertanggungjawab untuk mengawasi dan membantu aktiviti-aktiviti kesenian/kebudayaan yang dikelolakan oleh pelajar-pelajar sendiri. Secara umumnya terdapat beberapa jenis kegiatan kebudayaan. Berikut adalah ringkasan jenis kegiatan kesenian/kebudayaan yang telah dijalankan di sepanjang sesi 1983/84 ini.

1. Seni Mempertahankan Diri

Terdapat 7 buah persatuan seni mempertahankan diri di kampus ini. Persatuan-persatuan itu ialah Persatuan Seni Silat Gayung, Seni Silat Cekak, Seni Silat Lincak, Seni Silat Cakarla, Seni Silat Gayung Fatani, Tae Kwan Do dan Shito Ryu Karate Do. Umumnya kegiatan-kegiatan yang dijalankan meliputi latihan-latihan yang dijalankan dua kali seminggu. Di samping itu persatuan-persatuan ini juga telah mengadakan beberapa demonstrasi dan pameran (samada yang dianjurkan sendiri atau bergabung dengan persatuan induk — Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia) yang mana secara tidak langsung telah dapat mendedahkan aktiviti persatuan ini kepada masyarakat kampus dan telah dapat menarik minat pelajar-pelajar baru untuk menganggotai persatuan-persatuan ini. Di samping beberapa siri lawatan dan turut mengambil bahagian di beberapa kegiatan yang dianjurkan oleh lain-lain cawangan (di luar kampus), ahli-ahli persatuan juga telah dapat menimba pengetahuan dan pengalaman serta menjalin hubungan dengan ahli-ahli cawangan yang dilawati.

2. Penulisan Kreatif /Puisi

Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia dengan kerjasama unit ini telah menganjurkan peraduan mengarang cerpen, skrip drama dan sajak. Di samping itu satu persembahan mendeklamasi dan menyanyikan lagu-lagu puisi telah disampaikan oleh penyair-penyair dan penyanyi-penyanyi dari dalam dan luar kampus.

3. Senipentas

Antara kegiatan yang melibatkan ramai pelajar dalam bidang senipentas ialah Pesta Konvo. Pelajar-pelajar telah menunjukkan kebolehan dan bakat mereka dalam bidang senisuar, senitari, seni-muzik dan senilakon.

Selain daripada itu kumpulan tarian dan band pelajar sering dijemput untuk memeriahkan beberapa majlis yang dijemput untuk memeriahkan majlis yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan pelajar dan juga Persatuan Pentadbir Universiti Pertanian Malaysia. Pelajar-pelajar juga telah berkesempatan menonton sebuah drama komedi bertajuk "Syyy!..." anjuran sebuah persatuan pelajar pada 2 Mac 1984 yang lalu.

4. Kraftangan

Sekumpulan 8 orang pelajar telah mewakili Universiti ini untuk mengikuti bengkel sehari membuat Wau Jepun dan Wau Malaysia anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jepun Airline pada 5 Oktober 1983 yang lalu. Bengkel tersebut telah diadakan di Balai Seni Lukis, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Unit Sukan

Kegiatan sukan pelajar dibahagikan kepada kegiatan dalam kampus seperti sukan antara kolej kediaman, sukan minggu suaikenal, sukan konvokesyen dan lain-lain lagi. Kegiatan sukan juga melibatkan pertandingan-pertandingan di dalam dan luar kampus serta olahraga.

Kegiatan-kegiatan sukan yang telah dijalankan di sepanjang sesi 1983/84 adalah seperti berikut:

1. Sukan Minggu Suaikenal.
2. Sukan Antara Blok Kolej-Kolej Kediaman. (Diadakan oleh semua Kolej Kediaman bagi memilih perwakilan kolej masing-masing).
3. Sukan Antara Kolej Kediaman. 19 permainan dipertandingkan di antara 7 Kolej Kediaman.
4. Temasya Sukan Antara Pelajar Universiti/Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 1983.
5. Ragbi Piala Mobil (18 hingga 20 Februari 1983). Pasukan Universiti Pertanian Malaysia telah menyertai kejohanan tersebut, tetapi gagal mempertahankan kejuaraannya).
6. Olahraga Tahunan tidak dapat dijalankan sebab keadaan cuaca.
7. Malam Anugerah Lencana Sukan (10 Mac 1983).

SEMESTER PERTAMA

| <u>Tarikh</u> | <u>Aktiviti</u> |
|----------------------------------|--|
| 1. 29 Jun - 3 Julai 1983 | Sukan Minggu Suaikenal |
| 2. 18 Julai - 5 Ogos 1983 | Sukan antara pelajar baru dengan pelajar lama. |
| 3. 25 Julai - 11 Ogos 1983 | Sukan antara Blok/ Tingkat Kolej Kediaman. |
| 4. 7 Ogos - 21 Ogos 1983 | Pesta Sukan Konvokesyen/Alumni UPM. |
| 5. 5 September - 17 Oktober 1983 | Temasya Sukan antara Kolej Kediaman. |

6. 23 - 25 September 1983 Kejohanan Tenis Terbuka Institusi Pengajian Tinggi/ Maktab.
7. 6 - 10 Disember 1983 Temasya Sukan antara Pelajar Universiti/Institusi Pengajian Tinggi Malaysia ke 8.

SEMESTER KEDUA

8. 6 Januari 1984 Merentas Kampus
9. 13 Januari 1984 Lari berganti-ganti jalanraya
10. 27 - 29 Januari 1984 Pesta Tagbi Piala Mobil
11. 26 Disember - 20 Februari 1984 Persediaan Temasya Olahraga Tahunan
12. 23 - 26 Februari 1984 Lawatan Pasukan Bolasepak dan Sepak Takraw ke Singapura
13. 10 Mac 1984 Temasya Olahraga Tahunan
14. 20 Februari 1984 Nagoya Universiti Jepun ke UPM
15. 17 - 25 Mac 1984 Kursus Pengadil Bola Keranjang
16. 24 - 25 Mac 1984 Pertandingan Ragbi 10 sebelah Terbuka (Pelajar dan Pegawai)
17. 30 Mac 1984 Penganugerahan Lencana/Sijil Sukan
18. 29 April - 9 Mei 1984 Lawatan Pasukan Ragbi ke Thailand.

Di samping aktiviti kegiatan sukan tersebut, pasukan-pasukan universiti pelajar juga menyertai pertandingan-pertandingan yang dianjurkan oleh badan/persatuan/agensi Selangor dan Wilayah Persekutuan seperti:-

- i) Anchor League — Anjuran Kesatuan Ragbi Selangor
- ii) Pesta Sukan Konvo ITM
- iii) Pesta Sukan Konvo UKM
- iv) Pertandingan Terbuka — Anjuran Persatuan Bola Keranjang Selangor
- v) Pertandingan Sofbol — Anjuran Persatuan Sofbol Selangor
- vi) Kejohanan Terbuka/Tertutup Sepak Takraw — Anjuran Persatuan Sepak Takraw Wilayah Persekutuan.

PEMBANGUNAN

Perkembangan pembangunan projek-projek bagi menyediakan kemudahan-kemudahan fizikal akademik dan bukan akademik selaras dengan program-program akademik yang semakin meningkat, sebanyak 3 buah lagi bangunan baru telah berjaya disiapkan bagi tahun akademik 1983/84.

Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:-

1. Kompleks Kolej Kediaman Ketujuh
2. Bangunan Kompleks Ladang
3. Bangunan Fakulti Perikanan dan Sains Samudra.

Dua projek besar sedang dilaksanakan di peringkat pembinaan iaitu Kolej Kediaman Kelapan yang dijangka siap pada bulan Mei 1985 dan Fasa I Projek Kampus Cawangan UPM di Bintulu, Sarawak, yang dijangka siap pada pertengahan tahun 1987.

Projek-projek utama yang telah dibekukan di bawah langkah jimat cermat kerajaan adalah seperti berikut:

1. Kompleks Sukan
2. Pusat Islam
3. Bangunan Fakulti Pengajian Pendidikan.

PENYELIDIKAN

Universiti Pertanian Malaysia sebagai sebuah institusi pengajian tinggi memberi galakan kepada penyelidikan. Pada tahun

1983 Fakulti-Fakulti/Pusat menumpukan tenaga kepada penyelidikan yang dapat memperkukuhkan kegiatan akademik Universiti melalui penyelidikan siswazah dan biasa. Penemuan-penemuan baru dan lain-lain hasil penyelidikan digunakan untuk memperbaiki, membaharui dan memperteguhkan pengajian untuk mencapai tahap yang lebih baik.

Walaupun tahun 1983 merupakan tahun merosotnya ekonomi dunia, peruntukan penyelidikan tetap ada. Satu tabung penyelidikan telah diwujudkan khusus untuk membiayai penyelidikan di Universiti ini. Tabung penyelidikan ini telah membiayai sebanyak 312 projek-projek peringkat siswazah dan biasa. Daripada jumlah ini 30 projek telah tamat dan laporan-laporan akhir bagi projek-projek tersebut disimpan di Perpustakaan Universiti.

Selain daripada pembiayaan Universiti sendiri sebanyak 52 projek penyelidikan mendapat pembiayaan daripada badan-badan/agensi-agensi dari dalam dan luar negeri. Ini termasuklah daripada IDRC, IFS, IAEA, ABOS, BIOTROP, ADB, FIMA, DUNLOP, FELDA, PUSPATI, MAJUIKAN, PETRONAS dan lain-lain.

Di bawah ini disenaraikan bilangan projek yang dijalankan dalam tahun 1983:

| Bil. | Fakulti/Pusat | UPM | Bantuan Luar |
|------|---|-----|--------------|
| 1. | Pertanian | 107 | 17 |
| 2. | Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan | 47 | 6 |
| 3. | Perhutanan | 11 | 4 |
| 4. | Sains dan Pengajian Alam Sekitar | 32 | 5 |
| 5. | Ekonomi Sumber dan Perniagaantani | 17 | 7 |
| 6. | Kejuruteraan Pertanian | 13 | — |
| 7. | Pengajian Pendidikan | 27 | — |
| 8. | Perikanan dan Sains Samudra | 12 | 4 |
| 9. | Sains dan Teknologi Makanan | 18 | 9 |

| | | | |
|-----|--|-----|----|
| 10. | Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan | 98 | — |
| 11. | Sarawak | 19 | — |
| 12. | Hidroponik | 1 | — |
| | Jumlah | 312 | 52 |

KHIDMAT DAN PENGEMBANGAN

Di samping pengajaran dan penyelidikan, Universiti Pertanian juga dipertanggungjawabkan untuk memberi perkhidmatan pengembangan kepada masyarakat. Perkhidmatan ini membolehkan UPM berdamping rapat dengan masyarakat luar bandar dan agensi-agensi pembangunan serta memberikan Universiti satu identiti-nya yang tersendiri.

Kegiatan pengembangan UPM dijalankan oleh pakar yang khusus dalam sesuatu bidang dan pegawai-pegawai pengembangan dari semua Fakulti/Pusat/Bahagian. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Pendidikan Lanjutan
2. Khidmat Nasihat/Perunding
3. Perkhidmatan Khusus
4. Lawatan
5. Khidmat Pengembangan di sekitar Kampus Serdang dan Sarawak
6. Lain-lain kegiatan dengan fungsi pengembangan.

Aktiviti pendidikan lanjutan adalah satu aspek penting dalam perkhidmatan pengembangan. Program ini merangkumi kursus dalam perkhidmatan, seminar, bengkel, persidangan, simposium dan kursus tanpa ijazah. Tujuan program ini adalah untuk mengemaskini dan memperingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai pembangunan mengenai kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip pengembangan.

Sepanjang tahun ini UPM telah mengendalikan 80 aktiviti-aktiviti bercorak pendidikan lanjutan. Aktiviti-aktiviti ini adalah seperti berikut:

| | |
|---------------------------|----|
| Kursus dalam perkhidmatan | 58 |
| Seminar/bengkel/simposium | 26 |
| Kursus tanpa ijazah | 6 |

Universiti sentiasa memberi khidmat nasihat/perunding oleh pakar-pakar dari Fakulti/Pusat/Bahagian di dalam bidang-bidang yang terdapat di Universiti. Khidmat nasihat/perunding ini tidak menumpukan hanya kepada perkara teknikal tetapi meliputi semua peringkat dari mengenal sesuatu masalah kepada perancangan, pelaksanaan dan seterusnya kepada penilaian sesuatu projek. Sepanjang tahun ini sebanyak 71 aktiviti khidmat nasihat/perunding telah dijalankan di seluruh Malaysia.

Universiti juga memberi beberapa perkhidmatan khusus kepada orang ramai. Perkhidmatan-perkhidmatan ini ialah hospital haiwan kesayangan, klinik bergerak veterinar, klinik perlindungan tumbuhan, perkhidmatan halaman kandungan, perkhidmatan penyebaran maklumat terpilih dan perkhidmatan penyiasatan maklumat.

Dalam usaha menyebarkan maklumat berkaitan teknologi pertanian, Universiti juga menyediakan beberapa penerbitan pengembangan seperti Majalah Pengembangan, Warta Peladang, Risalah Ladang, Buletin Pengembangan dan penerbitan-penerbitan lain dan diedarkan percuma kepada agensi-agensi pembangunan dan orang perseorangan yang berminat. Pegawai-pegawai Universiti juga terlibat dalam menyebarkan maklumat dan teknologi pertanian melalui rancangan-rancangan di radio dan televisyen. Pameran pertanian termasuk pameran buku-buku pertanian turut diadakan di dalam dan di luar kampus untuk meningkat pengetahuan dan kefahaman dalam bidang pertanian.

Kegiatan pengembangan Universiti di sekitar kampus Serdang dan Semenggok dijalankan oleh pegawai-pegawai pengembangan dan juga melalui latihan amali pelajar-pelajar. Tujuan latihan amali ini, adalah untuk memupuk kebolehan pelajar-pelajar membina, melaksana dan menilai program pendidikan di kalangan petani-petani.

Beberapa aktiviti pengembangan dijalankan oleh pegawai-pegawai pengembangan Universiti dengan kerjasama agensi-agensi pembangunan untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat luar bandar. Di antara projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

| Projek | Tempat |
|----------------------------|--|
| 1. Pemeliharaan Lebah Madu | Kampung Jenjarom, Kuala Langat, Selangor |
| 2. Semaian Mata Tunas | Kampung Tengah, Lenggeng, Negeri Sembilan, dan Kampung Rinching Hulu, Semenyih, Selangor |
| 3. Tanaman Koko | Mukim Nilai dan Setul, Negeri Sembilan |
| 4. Ternakan Ayam | Mukim Beranang, Selangor dan Mukim Setul, Nilai dan Lenggeng, Negeri Sembilan |
| 5. Ikan Air Tawar | Mukim Lenggeng, Nilai, Negeri Sembilan dan Mukim Tanjong Dua Belas dan Beranang, Selangor |

| | |
|---------------------------------|---|
| 6. Rancangan Desa Usaha | Mukim Setul, Labu, Nilai, Lenggeng, Negeri Sembilan dan Daerah Kuala Langat, Selangor |
| 7. Perpustakaan Desa | Mukim Lenggeng, Negeri Sembilan dan Mukim Bandar dan Jugra, Selangor |
| 8. Taman Bimbingan Kanak-Kanak | Mukim Setul, Labu, Nilai, Lenggeng, Negeri Sembilan Mukim Beranang, Jugra, Tanjong Dua Belas, Selangor |
| 9. Program Pembangunan Keluarga | Kampung Jenjarom, Kuala Langat, Selangor. |

Di Sarawak pula aktiviti-aktiviti pengembangan juga dijalankan oleh pelajar-pelajar tahun akhir Program Diploma Pertanian dengan bimbingan dan kerjasama pegawai-pegawai Universiti dan agensi-agensi pembangunan di sekitar 16 buah kampung yang berhampiran dengan kampus. Selain daripada itu, pegawai-pegawai UPM Kampus Sarawak sentiasa berdamping rapat dengan agensi-agensi pembangunan dalam usaha mempertingkatkan lagi kehidupan masyarakat luar bandar.

FAKULTI PERTANIAN

DEKAN:

Dr. Mohd. Khalid bin Mohd. Nor, Dip. Agric. (Malaya), B. S. (Louisiana State), M.S. (Louisiana State), Ph.D. (Cornell).

KAKITANGAN:

Jumlah Kakitangan:

| Jabatan | Kategori A | Kategori B | Kategori C | Kategori D |
|-------------------------------|------------|------------|------------|------------|
| Pejabat Dekan | 1 | — | 6 | 8 |
| Agronomi dan Kulturakebunan | 35 | 2 | 27 | 11 |
| Pengajian Pembangunan Manusia | 28 | 1 | 11 | 12 |
| Perlindungan Tumbuhan | 25 | 1 | 19 | 11 |
| Sains Tanah | 23 | 2 | 28 | 22 |
| Jumlah | 112 | 6 | 91 | 64 |
| Jumlah besar | 273 | | | |

Perlantikan Baru :

Zainal Abidin bin Mior Ahmad telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Perlindungan Tumbuhan pada 11 Julai 1983.

Josephine Ahphen Yamen @ Rohani bte. Abdullah telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia pada 3 Ogos 1983.

Mohd. Said bin Saad telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Agronomi dan Kulturakebunan pada 1 September 1983.

Maznah bte. Ismail telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia pada 18 Oktober 1983.

Dr. Hasan bin Mad telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Agronomi dan Kulturakebunan pada 1 Disember 1983.

Adam bin Puteh telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Agronomi dan Kulturakebunan pada 10 Februari 1984.

Encik Ramli bin Yusuf telah dilantik sebagai Pembantu Teknik di Jabatan Sains Tanah pada 1 Mac 1984.

Encik Abd. Rahman bin Ahmad Tajuddin telah dilantik sebagai Pembantu Pertanian di Jabatan Sains Tanah pada 1 Mac 1984.

Tuan Syed Omar bin Syed Rastan telah dilantik sebagai tutor di Jabatan Sains Tanah pada 26 Mac 1984.

Kenaikan pangkat :

Puan Hajjah Hasnah bte. Udin, Dr. Mohd. Yusof bin Hussein, Dr. Wong Kai Choo dan Dr. Zaharah bte. Abdul Rahman telah dinaikkan pangkat dari pensyarah kepada profesor madya pada 1 Jun 1983.

Dr. Othman bin Yaacob dan Dr. Yap Thoo Chai telah dinaikkan pangkat dari profesor madya kepada profesor pada 1 Mac 1984.

